

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/3/4 (3)
Tarikh : 16 April 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**TEMPLATE PENGEMASKINIAN STATUS NOMBOR AKAUN POS MALAYSIA BERHAD
YANG DI BAYAR DI BAWAH KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan kepada e-mel daripada pihak Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) nombor rujukan BPOPP/SPO(Emel)/2024(134) bertarikh 8 April 2024, dimaklumkan bahawa permohonan daripada Pos Malaysia Berhad (POS) untuk menggunakan kemudahan bayaran pukal telah diluluskan oleh Akauntan Negara Malaysia pada 12 Januari 2024 dan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui. Oleh yang demikian, tindakan yang perlu dilaksanakan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah untuk membuat pengesahan nombor akaun POS bagi PTJ masing-masing sebelum diwujudkan di bawah Akaun Pukal.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama semua PTJ untuk melengkapkan templat pengemaskinian status nombor akaun Pos Malaysia Berhad tersebut melalui pautan berikut selewat-lewatnya pada atau sebelum **30 April 2024 (Selasa)**. Terdapat dua (2) pautan format excel yang perlu diisi oleh semua PTJ iaitu Pengesahan Pemurnian Data Akaun POS Malaysia_(Kod AO) dan Data Tambahan Nombor Akaun Pos Malaysia. Penjelasan bagi cara mengemaskini templat adalah seperti berikut :-

3.1 Fail : Pengesahan Pemurnian Data Akaun POS Malaysia_(Kod AO)

PTJ buat pengesahan dengan Tandakan (/) pada TAB Pengesahan PTJ Kerajaan Persekutuan bagi No. Akaun Pos PTJ yang dibayar sahaja.

Pautan Link : [Pengesahan Pemurnian Data Akaun Pos Malaysia_\(Kod AO\)](#)

3.2 Fail : Data Tambahan Nombor Akaun Pos Malaysia

Mohon PTJ untuk melengkapkan maklumat No. Akaun Pos yang dibayar sekiranya No. Akaun tiada pada fail Pengesahan Pemurnian Data Akaun POS Malaysia tersebut.

Pautan Link : [Data Tambahan Nombor Akaun Pos Malaysia](#)

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai di jabatan ini seperti berikut :

- i) Kamarul Zaman Bin Ahmad Zaini : 05-2462184 (zaman.zaini@anm.gov.my)
- ii) Dina Mariana Binti Arola : 05-2462189 (dinamariana@anm.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**